



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(149)

SIARAN MEDIA

DUA PROJEK TERNAKAN IKAN DI SELANGOR PENERIMA BANTUAN PROGRAM RINTIS PINTAR

SHAH ALAM, 25 OGOS 2024 - Dua projek ternakan ikan di Selangor berpotensi tinggi telah menerima bantuan berjumlah RM70,000 di bawah Projek Rintis PINTAR Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Komuniti Tanjung Api-api menerima bantuan RM35,000 bagi penambahan bilangan tangki bagi projek ternakan ikan keli melibatkan 12 peserta dengan keluasan 0.25 ekar manakala Komuniti Taman Alam Indah turut menerima bantuan RM35,000 untuk menjalankan ternakan ikan tilapia merah menggunakan sistem bioflok pada keluasan tanah 1.25 ekar melibatkan 7 orang peserta.

Pemilihan dua projek tersebut sebagai penerima bantuan dibuat berdasarkan maklumat dan data tuaian yang dikumpul oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sebelum ini. Bantuan itu antara lain bertujuan bagi suntikan modal kepada penternak mengembangkan perniagaan untuk menambah pendapatan sekaligus memperkukuh sektor akuakultur Malaysia bagi penghasilan sumber makanan yang berterusan dan terjangkau.

“Program PINTAR adalah usaha strategik oleh kerajaan bagi memajukan sektor akuakultur melalui pengenalan teknologi inovatif dan amalan terbaik supaya sektor ini dapat berkembang dengan mampan dan berdaya saing. Dengan bantuan ini, diharap para penternak ikan akan dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti meningkatkan hasil dan kualiti produk mereka seterusnya menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan tempatan,” ujar Dato’ Haji Adnan Hussan, Ketua Pengarah Perikanan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya
E-mel : ukk@dof.gov.my